



# PANDUAN MENGISI BORANG AKAUN CDS

## Umum:

1. Sila taip atau tulis dengan menggunakan **HURUF BESAR**.
2. Sebarang pindaan yang dibuat hendaklah mudah dibaca dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak iaitu pemohon dan penandatanganan yang telah diberi kuasa oleh Agen Depositori Bertauliah (ADA) / Ahli Terus Bertauliah.

## Untuk "Permohonan Pembukaan Akaun" sahaja

1. **Dokumen Sokongan:** Sila rujuk [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) [Dagangan-Produk dan Perkhidmatan-Sistem Depositori Pusat (CDS)-Manual Prosedur-Panduan CDS Bagi Pendeposit] atau ADA / Peserta Dagangan untuk rujukan.
2. **Warga Asing:** Warga asing ditakrifkan sebagai:-
  - a) seorang individu yang bukan warganegara Malaysia;
  - b) suatu pertubuhan yang diperbadankan ataupun tidak diperbadankan, yang diperbadankan atau ditubuhkan mengikut mana yang berkenaan, di luar Malaysi
  - c) pemegang amanah yang mentadbir suatu amanah yang ditubuhkan di bawah undang-undang asing;
  - d) suatu perbadanan amanah yang diperbadankan di bawah undang-undang asing;
  - e) suatu pertubuhan, termasuk koperasi atau mana-mana institusi lain yang ditubuhkan, didaftarkan atau diperbadankan di bawah undang-undang asing;
  - f) suatu syarikat nomini yang diperbadankan di Malaysia yang-
    - i) dikenalpasti dengan perkataan "(Asing)" dalam namanya; dan
    - ii) melaksanakan khidmat nomini, ejen atau pemegang amanah semata-mata bagi pihak pemilik sebenar atau pemilik benefisial sekuriti yang merupakan warga asing; atau
  - g) suatu syarikat, selain daripada syarikat yang dinyatakan di bawah perenggan (f), yang diperbadankan di Malaysia dan jika mana-mana satu daripada orang atau gabungan orang yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d) atau (e) berhak untuk menggunakan atau mengawal perjalanan lebih daripada lima puluh peratus daripada hak-hak undian syarikat.
3. **Alamat Berdaftar**
  - a) Bagi pemohon individu/pendeposit selain anggota bersenjata tentera/polis, sila guna alamat yang dinyatakan dalam kad pengenalan.
  - b) Bagi anggota bersenjata tentera/polis, sila gunakan alamat kem/pangkalan/stesen masing-masing.
  - c) Bagi pemohon warga asing, sila gunakan alamat yang dinyatakan dalam pasport (jika ada).
4. **Menandatangani Borang Di Hadapan Saksi Yang Boleh Di Terima:**

Berkenaan jika pengesahan pengenalan pemohon hendaklah dilakukan melalui saksi yang boleh di terima (dan bukannya pemohon hadir sendiri di hadapan ADA atau melalui pengesahan tanpa bersemuka):

  - a) Borang ini perlu ditandatangani di depan saksi yang boleh diterima yang perlu melengkapkan ruangan "Pengakuan Oleh Wakil Peniaga/ Pegawai ADA Diberi Kuasa/Notari Awam/ lain-lain yang diluluskan oleh Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (Bursa Depository); dan
  - b) saksi yang boleh diterima mesti memperakui salinan Kad Pengenalan/Pasport/Kad Kuasa Angkatan Tentera atau Polis/dokumen sokongan.

## Untuk "Permohonan Pengemaskinian Butiran Akaun" Sahaja

1. **Dokumen Sokongan:** Sila rujuk [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) [Dagangan-Produk dan Perkhidmatan-Sistem Depositori Pusat (CDS)-Manual Prosedur-Panduan CDS Bagi Pendeposit] atau ADA / Peserta Dagangan / Ahli Terus Bertauliah untuk rujukan.

## PENGAKUAN

### **A) PERMOHONAN PEMBUKAAN AKAUN CDS**

#### **PERAKUAN OLEH PEMOHON/PENDEPOSIT/PENANDATANGAN DIBERI KUASA/PERWAKILAN**

\*Saya/Kami dengan ini :-

- i. Mengisytiharkan bahawa \*saya/kami mempunyai keupayaan penuh dan kuasa untuk membuka dan mengendalikan akaun CDS dan bahawa maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan betul sehingga tarikh borang ini.
- ii. Bersetuju untuk terikat dengan peraturan-peraturan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd ("Depository") dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Depository, yang mungkin dipinda dari masa ke semasa.
- iii. Mengisytiharkan bahawa \*saya/kami adalah \*pemilik benefisial/penama yang diberi kuasa untuk semua sekuriti yang dikreditkan ke dalam akaun yang akan dibuat.
- iv. Memberi kebenaran muktamad ("irrevocably consent") kepada Depository, syarikat yang disenaraikan dan agen-agen mereka untuk mendedahkan maklumat peribadi \*saya/kami kepada mana-mana pihak setakatmana yang diperlukan atau sewajarnya untuk melaksanakan, pembayaran ke semua dividen dan lain-lain agihan tunai kepada \*saya/kami terima berkaitan dengan sekuriti yang didepositkan di dalam akaun sekuriti \*saya/kami, terus ke dalam akaun bank \*saya/kami seperti dinyatakan di dalam borang ini atau sebagaimana yang dikemaskini dari masa ke semasa atau untuk apa-apa tujuan berhubung dengan pembayaran dividen atau lain-lain agihan tunai melalui cara tersebut.
- v. Memberi kebenaran muktamad ("irrevocably consent") untuk menerima semua pembayaran dividen dan lain-lain agihan tunai yang layak \*saya/kami terima berkaitan dengan sekuriti yang didepositkan di dalam akaun sekuriti \*saya/kami, secara kredit terus ke dalam akaun bank \*saya/kami seperti dinyatakan di dalam borang ini atau sebagaimana yang dikemaskini dari masa ke semasa.
- vi. Bersetuju untuk menerima, berhubung dengan sekuriti yang didepositkan dan yang berkaitan, pemberitahuan secara elektronik di sebalik daripada pemberitahuan secara salinan keras, dihantar dengan menggunakan butiran maklumat \*saya/kami seperti yang tertulis di dalam borang ini atau sebagaimana yang dikemaskini dari masa ke semasa, dan juga memberi kebenaran tambahan untuk menggunakan butiran maklumat yang terdapat di rekod Depository kepada:
  - a) Syarikat-syarikat kumpulan di bawah Bursa Malaysia Berhad (Syarikat Kumpulan) untuk membolehkan mereka menyampaikan maklumat mengenai pasaran modal termasuk perkembangan dan inisiatif baru daripada Syarikat Kumpulan kepada \*saya/kami; dan
  - b) memudahkan di dalam penghantaran notis dan komunikasi dari syarikat tersenarai di Bursa Malaysia dan broker saham sebagai contoh pemberitahuan mengenai eDividen, nota kontrak dari broker saham dan notis atau pekeliling daripada syarikat tersenarai di Bursa Malaysia.

\*Saya/Kami telah membaca dan sedar mengetahui notis data peribadi yang terdapat di laman sesawang Bursa Malaysia [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

\*Potong yang mana tidak berkenaan

### **B) PERMOHONAN PENUTUPAN AKAUN**

#### **PERAKUAN OLEH PEMOHON/PENDEPOSIT/PENANDATANGAN DIBERI KUASA/PERWAKILAN**

\* Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa tiada baki dan tiada transaksi yang belum selesai berkaitan dengan akaun ini dan ambil maklum bahawa Depository hanya akan menutup akaun ini jika tiada baki dan tiada transaksi yang belum selesai berkaitan dengan akaun ini di dalam rekod Depository.

\*Potong yang mana tidak berkenaan